



## **PENELITIAN TERHADAP FATWA MENZIARAHI AL-AQSA ANALISIS BERDASARKAN MAQASID SYARIAH**

*Muhammad Fadil Salman, Muhammad Hazwan Humil Hussin & Mohd Amir Syakib Alias*

---

### **PENGENALAN**

Masjid al-Aqsa adalah suatu destinasi yang umat Islam digalakkan menziarahinya. Begitupun dalam kondisi tekanan dan penjajahan yang dilakukan oleh Israel hari ini, para ulama berselisih pendapat tentang hukum menziarahinya berdasarkan sudut pandang yang berbeza. Pandangan ulama terbahagi kepada dua pandangan iaitu mengharuskan menziarahi Al-Aqsa dan yang kedua mengharamkan terus menziarahi Al-Aqsa. Pandangan-pandangan ini adalah khilaf dan masing-masing tidak lari dari garis panduan Maqasid Shariah. Demikian pula, Islam amat menitikberatkan amalan menziarahi Al-Aqsa. Namun, dalam konteks menziarahi ini perlulah mengikut garis panduan berdasarkan dari segi aspek Maqasid Shariah.

### **LATAR BELAKANG PELANCONGAN**

#### **Maqasid Syariah Dalam Pelancongan Menziarahi Al-Aqsa**

Pada era kontemporari ini, pelancongan merupakan salah satu daripada aktiviti seharian manusia yang dapat memberikan kepuasan dan kebahagiaan terutamanya pada waktu yang lapang. Pada masa yang sama, agama Islam juga sangat menggalakkan aktiviti pelancongan dan pengembaraan ke serata dunia. Terdapat tiga tempat yang sangat disyorkan didalam Islam dan mendapat ganjaran pahala banyaaak apabila menziarahinya iaitu Masjidil Haram, Masjid Nabawi dan Masjid Al-Aqsa.

Secara umumnya, antara tiga tempat yang disyorkan ini, menziarahi Al-Aqsa merupakan salah satu tempat yang menjadi perhatian umat Islam pada masa kini. Hal ini demikian kerana Al-Aqsa merupakan suatu tempat yang penuh dengan sejarah Islam. Terdapat

banyak fakta penting untuk diingati mengenai sejarah Islam dan Al-Aqsa. Selain itu, Al-Aqsa sebagai tempat yang mulia dan diberkati Allah disebut dengan kalimah barakat seperti mana dalam Al-Quran :

Maksudnya: *“Maha Suci Allah yang telah menjalankan hamba-Nya (Muhammad) pada malam hari dari Masjid Al-Haram (di Makkah) ke Masjid Al-Aqsa (di Palestin), yang Kami berkati sekelilingnya, untuk memperlihatkan kepadanya tanda-tanda (kekuasaan dan kebesaran) Kami. Sesungguhnya Allah jualah yang Maha Mendengar, lagi Maha Mengetahui.”* (Surah al-Isra’: 1)

Walaupun bagaimanapun, terdapat perbezaan pendapat dalam menziarahi Al-Aqsa pada masa kini dari segi penelitian fatwa yang dikeluarkan di negara masing-masing. Penelitian ini dilakukan kerana Al-Aqsa pada hari ini bukan lagi dimiliki oleh penduduk Palestin itu sendiri tetapi oleh kaum yahudi yang kini digelar sebagai negara Israel.

### **OBJEKTIF KAJIAN**

Objektif kertas kerja ini bertujuan untuk menganalisis fatwa-fatwa ini dari sudut pandang disiplin Maqasid Shariah.

### **METODOLOGI KAJIAN**

Metodologi kajian diterangkan berdasarkan jenis kajian dan reka bentuk kajian. Kajian ini adalah menjurus kepada kajian kualitatif berdasarkan permasalahan kajian yang telah dikemukakan. Ia juga boleh dijadikan garis panduan dan asas dalam mengkaji fakta-fakta, permasalahan hukum dan fatwa yang dikeluarkan oleh ulama’ pada era modenisasi sekarang selaras dengan kemaslahatan umat islam di seluruh dunia. Pendekatan kajian ini adalah melalui kajian kepustakaan. Kajian ini berbentuk kajian penelitian. Kajian penelitian ini dijalankan berdasarkan rujukan mengenai perkara-perkara yang berkaitan. Ia menjurus kepada rujukan buku atau kitab fatwa, surat khabar, jurnal, majalah, kertas seminar, media online seperti laman sesawang rasmi organisasi yang diiktiraf dan pelbagai jenis penulisan yang dikeluarkan. Kajian ini adalah untuk meneliti fatwa menziarahi Masjidil Aqsa berdasarkan kaedah Maqasid Syariah dalam sektor pelancongan.

## DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

### Sejarah Baitul Maqdis

Islam amat menggalakkan amalan menziarahi terutamanya dalam menziarahi masjidil Al-Aqsa. Selain itu juga, umat islam amat memuliakan baitul maqdis kerana tempat tersebut banyak yang dikaitkan dengan sejarah nabi-nabi yang diutuskan oleh Allah SWT dan Baitul Maqdis dahulunya merupakan kiblat pertama bagi umat Islam selepas dipindah kepada kiblat, menghala ke Kaabah iaitu di Mekah. Disamping itu juga, Baitul Maqdis ini juga dipenuhi dengan ganjaran pahala yang banyak apabila solat di dalamnya dan merupakan tempat yang ketiga paling mulia bagi umat Islam. Menurut prinsip sejarah dan teologi, Islam merupakan agama tradisi nabi-nabi terdahulu dan dengan inilah Al-quran membuat seruan khusus pada Negara Palestin yang mana tanahnya yang dikaitkan dengan kehidupan ramai para nabi "Al-Ard Al-Muqaddasah" (tanah yang suci) (Al-Ma'idah ayat 21) dan menggelarkan sekitarnya sebagai "Barakna Hawlaha" (yang diberkati sekitarnya) (Al-Israa' ayat 1).

Firman Allah SWT:

Maksudnya: (Nabi Musa berkata lagi): "*Wahai kaumku, masuklah ke Tanah Suci (Palestin) yang telah diperintahkan oleh Allah untuk kamu (memasukinya); dan janganlah kamu berbalik undur ke belakang, (kalau kamu undur) maka kamu kelak menjadi orang-orang yang rugi (di dunia dan di akhirat.)*" .(Surah al-Ma'idah ayat 21)

Firman Allah SWT:

Maksudnya: "*Maha Suci Allah yang telah menjalankan hambaNya (Muhammad) pada malam hari dari Masjid Al-Haraam (di Makkah) ke Masjid Al-Aqsa (di Palestin), yang Kami berkati sekelilingnya, untuk memperlihatkan kepadanya tanda-tanda (kekuasaan dan kebesaran) Kami. Sesungguhnya Allah jualah yang Maha Mendengar, lagi Maha Mengetahui.*" (Surah al-Israa' ayat 1)

### **Pendapat ulama' tentang fatwa menziarahi Masjid al-Aqsa**

Baitul Maqdis ataupun dipanggil sebagai masjid al-aqsa merupakan antara satu tempat diantara tiga tempat yang diberikan ganjaran pahala yang berganda jika menziarahi dan solat di dalamnya. Namun , pada masa kini hampir seluruh Palestin telah dikuasai oleh Israel yang mana mereka menyekat umat Islam untuk menziarahinya dan seterusnya menggunakan kekerasan untuk menaklukinya. Jika ingin menziarahinya juga umat Islam terpaksa membeli visa dan dikenakan cukai dengan harga yang jauh lebih mahal. Isunya disini, apakah hukum umat Islam menziarahi Al-Aqsa?

Disini tokoh ulama telah berbincang dan ada perselisihan mengenai menziarahi al- aqsa yang terbahagi kepada dua iaitu pendapat yang membenarkan dan pendapat yang tidak membenarkan menziarahi Al-Aqsa. Namun, mereka tidak membuat keputusan dengan membuta tuli akan tetapi dengan menetapkan syarat dan garis panduannya untuk umat Islam turuti. Selain itu juga, kajian ini juga akan membincangkan mengenai maqasid syariah dalam perlancongan: penelitian fatwa dalam menziarahi Al-Aqsa seperti dharuriyyat al-khams.

### **Pendapat Yang Tidak Membenarkan menziarahi**

Antara hujah-hujah mereka adalah apabila menziarahi baitul maqdis, maka sudah tentu umat Islam akan berurusan dengan kerajaan Israel dan lebih malang lagi kita sendiri diibaratkan seperti mengiktirafkan kedudukan mereka dalam menguasai dan menakluki Palestin, sedangkan kita sebagai umat Islam dilarang sama sekali mengiktiraf mereka. Hal ini adalah berkaitan dengan masalah pembayaran visa Israel dan cukai yang tinggi dikenakan kepada pengunjung Baitul Maqdis. Dalam hal ini, seolah-olah umat islam sendiri yang khianati umat Islam yang lain dengan memberi keuntungan ekonomi kepada kerajaan Israel. Malah lebih teruk lagi menolong dan memperkuat lagi kedaulatan mereka di Palestin. Selain itu juga musafir ke Baitul Maqdis semata-mata untuk solat di Masjidil Aqsa membawa fitnah terutamanya kepada wanita muslimah dan harta. Kerajaan Israel mendapat lebih manfaat melalui keuntungan yang dikutip dari umat Islam itu sendiri yang menziarahi dan seolah-olah umat Islam itu sendiri bekerjasama dengan golongan Yahudi untuk menghalang kebangkitan umat Islam di Palestin. Pendapat ini juga mengiaskan sama seperti menolong tuan kepada riba yang lebih banyak bahkan lebih

teruk lagi adalah seperti menolong musuh-musuh Islam yang ingin merosakan Islam dan Umat Islam itu sendiri. Daripada Aus bin Syurahbil, sabda Rasulullah SAW:

Maksudnya: *“Siapa yang berjalan bersama orang yang zalim untuk menolongnya sedangkan ia mengetahui bahawa orang itu zalim, maka sebenarnya ia telah keluar daripada Islam”*. Riwayat al-Tabarani (619) dalam Mu’jam al-Kabir.

Syeikh Dr. Abdul Hayy Yusuf, Profesor di Universiti al-Khartoum, Sudan berpendapat tidak menjadi masalah jika berada di bumi Palestin kerana umat Islam perlu menyedari bahawa bumi Palestin bukan bumi Yahudi. Akan tetapi, apabila dikuasai oleh Yahudi dengan membunuh, menindas dan menzalimi umat Islam maka tidak lagi harus bagi orang Islam memasukinya kerana mengiktiraf dan mengiyakan untuk mereka memiliki harta umat Islam. Selain itu, terdapat juga senarai nama tokoh ulama yang mengharamkan menziarahi Al-Aqsa seperti Syeikh Dr. Yusuf al-Qaradhawi iaitu Pengerusi Kesatuan Ulama Islam Sedunia, Syeikh Dr. Ahmad Tayyib iaitu Syeikhul Azhar dan Syeikh Faisal Maulawi iaitu Naib Pengerusi Majlis Fatwa dan Kajian Eropah (European Council of Fatwa and Research).

### **Pendapat Yang Mengharuskan Untuk Menziarahi BaitulMaqdis**

Ramai dikalangan para ulama yang mengharuskan untuk seseorang mengunjungi dan menziarahi Baitul Maqdis. Antara mereka yang membenarkannya ialah Dr. Saud al-Funaisan iaitu salah seorang ulama Saudi dengan alasan seperti berikut :

Kerana Masjidil Aqsa merupakan kiblat pertama bagi umat Islam dan terdapat hadis sahih yang menyebut : Daripada Abu Hurairah, Rasulullah SAW bersabda

Maksudnya: *“Bersungguh-sungguhlah untuk melakukan perjalanan ketiga destinasi, iaitu Al-Masjid al-Haram, Masjidku (Al-Masjid Al-Nabawi), dan al-Masjid al-Aqsa.”* Riwayat Bukhari (1189) dan Muslim (1397)

Masjidil Aqsa juga merupakan tempat yang mulia dan diberkati Allah seperti mana di dalam al-Quran Allah berfirman:

*Maksudnya: "Maha Suci Allah yang telah menjalankan hamba-Nya (Muhammad) pada malam hari dari Masjid Al-Haram (di Makkah) ke Masjid Al-Aqsa (di Palestin), yang Kami berkati sekelilingnya, untuk memperlihatkan kepadanya tanda-tanda (kekuasaan dan kebesaran) Kami. Sesungguhnya Allah jualah yang Maha Mendengar, lagi Maha Mengetahui."(Surah al-Isra'ayat 1)*

Menziarahi Baitul Maqdis dengan membeli visa dan membayar cukai bukanlah bermakna bahawa umat Islam itu sendiri mengiktirafkan kezaliman Israel. Hal ini kerana terdapat juga nas yang jelas yang menggesa umat Islam menziarahi tempat tersebut. Seperti yang sedia maklum, Rasulullah SAW sendiri pernah ziarah Masjidil Haram, tawaf dan solat serta berumrah dengan Umrah Qadha' pada tahun ke 7 Hijrah sedangkan ketika itu Masjidil Haram dibawah penguasaan orang musyrikin Makkah. Selain itu, dengan menziarahi Baitul maqdis untuk solat sudah tentu menjadi penguat kepada umat Islam di Palestin untuk terus berjuang untuk mendapatkan balik Negara serta mereka tahu bahawa umat Islam tidak lupa untuk mengingati dan menolong mereka. Oleh itu, hikmah menziarahi juga dapat memberi sokongan dan semangat baru kepada umat Islam supaya menguatkan keazaman untuk bertahan di tanah mereka sendiri.

Antara tokoh yang mengharuskan ziarah Masjidil Aqsa ialah Syeikh Abdul Aziz Bin Baz, iaitu Mantan Mufti Besar Arab Saudi dalam fatwanya apabila wujud perjanjian persefahaman antara negara Arab dan Yahudi berkata : "Ziarah masjidil Aqsa dan solat padanya adalah sunat berdasarkan hadis Rasulullah SAW". Manakala, Syeikh Abdurrahman al-Barrak berkata ziarah Masjidil Aqsa sekarang ini adalah harus dan disyariatkan berdasarkan Rasulullah SAW dan para sahabat melakukan umrah ketika Makkah di bawah penguasaan kaum musyrikin." Selain itu, Syeikh Masyhur Hasan Alu Salman daripada Jordan, Saud al-Funaisan dari kalangan ulama Saudi. , Syeikh Naim Tarnafa, Mufti Kosovo, Syeikh Syauqi Umar Baasyistash iaitu Mufti Croatia, Syeikh Muammar Zoukorlic iaitu Mufti Serbia, Syeikh Najad Gharabus, Mufti Slovenia dan ramai lagi berpendapat harus menziarahi Masjidil Aqsa.

Setelah meneliti pendapat yang menyokongnya untuk menziarahi Masjidil Aqsa dan Baitul Maqdis dan juga pendapat yang menentanginya dengan tidak membenarkan sama sekali, maka kami lebih cenderung kepada keharusan untuk menziarahi Masjidil Aqsa. Ini berdasarkan nas hadis yang menunjukkan galakan untuk menziarahi Masjidil Aqsa dan beribadat padanya. Walaubagaimanapun, perlu ada beberapa dhawabit dan syarat padanya iaitu tidak mengiktiraf kedaulatan Baitul Maqdis sebagai tanah wilayah mereka (Israel), menjauhkan segala bentuk yang memberi manfaat dan masalah yang banyak kepada pihak Zionis, berhubung dengan pihak dan warga Palestin ketika mengunjungi Baitul Maqdis sebagai pemandu pelancong, ziarah tersebut hendaklah untuk menolong umat Islam di sana, dan pergi ke sana semata-mata untuk solat di Masjidil Aqsa seperti mana yang dinaskan dalam Hadis bukan di tempat yang lain. Selain itu, bukan ziarah untuk melancong ke tempat-tempat yang lain, dan elakkan mendiami hotel milik Yahudi seupaya mungkin.

Keputusan yang menyokong keputusan tarjih di atas antaranya melalui muktamar antarabangsa yang pertama bertajuk "Jalan ke Kota Baitul Maqdis". Muktamar ini disusun oleh Lajnah Wakil Rakyat Palestin di Parlimen Jordan dengan kerjasama Universiti Ulum Islamiah 'Alamiah dan Parlimen Arab dan antara tujuan muktamar ini diadakan adalah untuk bersuara mengembalikan Baitul Maqdis kepada umat Arab dan Islam. Para ulama yang menyertai muktamar tersebut dari pelbagai negara telah mengemukakan Fatawa Jamai'e supaya boleh menziarahi Baitul Maqdis berdasarkan dhawabit asas di samping meraikan masalah penduduk Kota Baitul Maqdis disamping memberi bantuan kepada mereka.

Pentarjihan ini juga selari dengan maqasid syariah dalam menjaga Agama Islam supaya terus teguh menegakkan syiar dan tempat suci umat Islam yang penuh dengan sejarah. Selain itu juga, penjagaan nyawa akan lebih terpelihara jika ada umat Islam menziarahi dan membantu Masjidil Aqsa serta dunia luar juga akan tahu betapa kejam dan zalimnya kelakuan rejim Israel keatas rakyat Palestin yang dibunuh tanpa belas ihsan. Seterusnya, dari segi penjagaan keturunan juga dapat dijaga dengan bantuan daripada umat Islam yang menziarahinya da nada juga yang bukan sahaja menziarahi malah menjadi sukarelawan dalam merawat dan mengubati mangsa-mangsa rejim Israel. Di samping itu juga, akal pemikiran umat Islam juga lebih terpelihara dengan adanya sokongan dan

semangat yang diberikan kepada rakyat Palestin oleh umat Islam yang menziarahi. Dari segi tekanan emosi juga dapat dikawal dengan adanya bantuan daripada umat Islam yang menziarahinya sekali gus memberi semangat dan kekuatan fizikal dan mental kepada umat Islam di Palestin untuk berjuang mempertahankan Negara mereka. Manakala dari segi penjagaan harta juga lebih selamat dan kukuh kerana umat Islam yang menziarahi akan memberikan sumbangan yang banyak dan tidak terputus-putus daripada bekalan bantuan mereka. Walaupun dari segi harta umat Islam terpaksa membeli dan bayar cukai kepada Israel akan tetapi keperluan untuk umat Islam di Masjidil Al-Aqsa lebih memerlukan. Hal ini kerana jika umat Islam itu tidak menjaga umat Islam yang lain maka siapakah yang akan menjaga umat Islam dalam kesusahan yang lain?. Kesimpulannya umat Islam wajib mempertahankan hak- hak umat Islam yang dizalimi dengan memberi bantuan dan menziarahi. Hal ini kerana tindakan tersebut akan memberi banyak masalah yang lebih baik berbanding dengan keburukan.

## **KESIMPULAN**

Berdasarkan analisis dan kajian yang telah dijalankan melalui analisis dokumen, pengkaji mendapati bahawa para ilmuwan dan ulama' mempunyai dua pandangan yang berbeza terhadap fatwa menziarahi Masjidil Aqsa ke atas umat Islam masa kini iaitu melarang dan membolehkannya. Kedua-dua pandangan yang dikemukakan tidak mengiktiraf kedaulatan Israel. Oleh itu, bagi umat Islam lebih berpegang dengan pendapat yang melarangnya, maka mereka tidak perlu menziarahi sehinggalah bumi Baitul Maqdis atau Palestin diiktiraf sebagai milik umat Islam.

Bagi umat Islam yang ingin menziarahi, maka janganlah mengiktiraf kedaulatan Israel dan redha ke atas mereka sebagaimana yang disebut dalam nas al-Quran dan Hadis. Pengkaji juga mencadangkan jika seseorang menziarahi bumi umat Islam tersebut, maka bantulah saudara seIslam Palestin yang memerlukan bantuan untuk meneruskan kehidupan agar lebih terjamin.

Akhir sekali, amat sesuaiilah perbincangan ini disimpulkan dengan nukilan mutiara kata indah daripada Panglima Islam yang terkenal iaitu Salahuddin al-Ayyubi : Sesiapa yang dapat menguasai Jerusalem (Palestin) nescaya dia akan dapat menguasai dunia.



Renunglah kata-kata ini. Semoga Allah merahmati ulama Islam semuanya dalam memberi petunjuk dan bimbingan kepada ummah ke arah yang terbaik.

## **RUJUKAN**

- Abdul Fatah. (2017). *Keberkahan Al Aqsa Perspektif Hermeneutika Scleiermacher*. Semarang: Universitas Islam Negeri Walisongo Semarang.
- Asmadi Mohd Naim. (2003). *Maqasid Syariah dan Pemikiran Pengurusan Islam*. Sintok: Universiti Utara Malaysia.
- Fadhli Ismail. (2010). *Rahsia Kota Baitul Maqdis Dan Masjidil Aqsa*. Kuala Lumpur: Darul Nu'man.
- Fakulti Pengajian Kontemporari Islam. (2017). *Panduan Penulisan Akademik*. Kuala Terengganu. Universiti Sultan Zainal Abidin.
- Fatimah Syarha Mohd Noordin. (2013). *Palestin Kami Datang*. Kuala Lumpur: Telaga Biru Sdn Bhd.
- Firdaus Nurul Huda. (2002). *Kesan Perubahan Sosial Terhadap Hukum Islam (Satu Kajian Tentang Metodologi Syariah dan Perlaksanaan)*. Gombak: Thinkers Library Sdn Bhd.
- Izzuddin Mohd Noor, Fatimah Nadirah Mohd Noor. (2018). *Pengaplikasian Maqasid Syariah Sebagai Parameter Konsep Hotel Patuh Syariah*. Melaka: Kolej Universiti Islam Melaka.
- Kesatuan Ulama Sedunia. (2014) *Qaradhagi : Tidak Harus Ziarah Al-Quds Kepada Selain Rakyat Palestin*. Dimuat Turun Daripada <http://iumsonline.org/ar/aboutar/newsar/1023>
- Laman Web Rasmi Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan. (2015). *Hukum Menziarahi Baitul Maqdis Dan Masjid Al Aqsa Pada Masa Kini*. Dimuat Turun Daripada <https://muftiwp.gov.my/>
- Mohd Roslan Mohd Noor, Abdul Qayyum M Suhaimi. (2018). *Intifadah Al-Aqsa: Kebangkitan Rakyat Palestin*. Kuala Lumpur: UM Press.
- Noruddin Mokhtar Al-Khadami. (2006). *Ilmu Al-Maqasid Al-Syar'ie*. Riyadh: Maktabah Al Abekan Publishers And Booksellers.
- Yusuf Al Qardhawi. (2014). *Fatwa Palestin Soal Jawab Berkenaan Isu Pergolakan Di Palestin*. Batu Caves: PTS Publishing House.